

07 OCT 1998

Minyak

JANGAN PANIK DENGAN KEKURANGAN MINYAK MASAK

ALOR SETAR, 7 Okt (Bernama) -- Masalah pengguna mendapatkan minyak masak didapati berpunca daripada sikap panik membeli barangan itu secara berlebihan, kata Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Kedah Rashid Nabijan.

Beliau berkata kekurangan itu sebenarnya tidak timbul kerana bekalan dihantar oleh pembekal kepada peruncit mengikut jadual yang ditetapkan seperti masa-masa lepas.

Di Alor Setar sahaja terdapat tiga pembekal minyak masak yang menghantar bekalan kepada peruncit sekurang-kurangnya dua kali seminggu, katanya.

"Masalahnya adalah pengguna yang membeli dengan banyak. Bekalan yang dihantar ke kedai habis dalam tempoh dua hingga tiga jam sahaja," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, pembekal juga tidak dapat menambah bekalan kerana mereka perlu mematuhi kuota pengeluaran yang ditetapkan oleh Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Kelapa Sawit (Porla).

Saad Hashim, wakil peribadi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menelefon Bernama berkata bahawa beliau telah menghubungi seorang pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di Kuala Lumpur dan diberitahu masalah itu adalah dalam bidang kuasa Kementerian Pertanian kerana pengeluaran adalah di bawah kawalan kementerian itu.

Beliau menggesa para pegawai di kedua-dua kementerian itu mengambil langkah segera.

"Saya menerima banyak rungutan daripada orang ramai. Saya sendiri puas mencari di kedai dan pasar raya sekitar Kubang Pasu tetapi tidak dapat membeli walaupun sepaket," katanya.

Penduduk dari Perlis turut ke pekan Jitra mencari minyak masak, katanya.

Rashid berkata masalah itu boleh diatasi sekiranya orang ramai membeli sekadar keperluan.

-- BERNAMA

MZM MAI